



## Kenyataan Media

CYBERJAYA

29 September 2021

### MCMC SAMBUT BAIK PENGUMUMAN RANCANGAN MALAYSIA KE-12

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyambut baik pengumuman Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) mengenai penyediaan akses bermutu tinggi dan menyeluruh kepada infrastruktur digital, sejajar dengan hasrat kerajaan agar Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi, berpendapatan tinggi dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik.

Malaysia telah mencapai kemajuan dalam membangunkan infrastruktur digital dengan memantapkan kesalinghubungan sedia ada melalui **Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA**. Pelan lima (5) tahun ini bertujuan meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar 4G di seluruh negara. JENDELA bermatlamat merapatkan jurang digital antara kawasan luar bandar dan bandar serta mencetuskan inovasi digital yang bakal membangunkan ekonomi digital. Rangkaian 4G turut dimantapkan dengan menamatkan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 agar spektrumnya dapat dimanfaatkan oleh khidmat rangkaian 4G. Ini telah mempercepatkan pelancaran 5G pada penghujung tahun 2021 iaitu setahun lebih awal daripada rancangan asal untuk menyokong penghantaran data pantas.

MCMC bersama agensi kerajaan akan meneruskan usaha mewujudkan ekosistem terhadap usaha **pusat data** (*data centre*) yang menawarkan kepakaran khusus dan **perkhidmatan pengkomputeran awan** (*cloud services*) berteknologi tinggi bagi memenuhi permintaan para pengguna.

Selain itu, 12 **Internet Exchange Point** (IXP) yang sedia ada akan ditambah kepada 66 pada tahun 2025. IXP memastikan pertukaran trafik Internet antara penyedia perkhidmatan lancar dan rangkaian penghantaran kandungan menjadi lebih pantas, mengurangkan keperluan transit hulu data (*upstream data*), lantas mengurangkan kos hantaran.

Untuk mengukuhkan ekonomi digital setempat bagi semua lapisan rakyat, terutamanya untuk golongan B40, 873 Pusat Internet Komuniti kini ditransformasi menjadi **Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia** (PEDi). Bilangan ini akan ditingkatkan dengan sasaran "1 PEDi di setiap Dewan Undangan Negeri". PEDi berperanan memperkasakan aktiviti ekonomi digital dengan membangunkan kemahiran penggunaan Internet serta meningkatkan penglibatan e-dagang. MCMC akan terus mempergiatkan program Pemerksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) bagi mendorong usahawan mikro beralih kepada pendigitalan. PUPUK bakal memanfaatkan 800 ribu usahawan mikro menjelang tahun 2025.

Untuk merelisasikan RMK-12, Malaysia sudah pun berada di landasan yang tepat dengan pelaksanaan Pelan JENDELA yang buat masa kini telah mencapai sasaran-sasaran pencapaian pada setiap suku sejak September 2020. Kesalinganhubungan yang menyeluruh serta teknologi **5G** mampu mengubah trajektori ekonomi digital negara dan mencetuskan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) yang akan menyumbang sejumlah 25.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2025.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

